

# Penglibatan Ibu Bapa dalam Menyokong Pembelajaran Murid Prasekolah di Rumah

## (Parental Involvement in Supporting Preschool Pupils' Learning at Home)

Aqilatuazzahrah Azharuddin<sup>1\*</sup>, Kamariah Abu Bakar<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [zahrahaqilah1989@gmail.com](mailto:zahrahaqilah1989@gmail.com) , [kamariah\\_abubakar@ukm.edu.my](mailto:kamariah_abubakar@ukm.edu.my)

Received: 25 July 2023 | Accepted: 5 September 2023 | Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.3.6>

**Abstrak:** Keadaan ibu bapa atau keluarga yang bersedia membantu dan terlibat untuk perkembangan kanak-kanak dan pembelajaran mereka adalah sangat penting. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran murid prasekolah di rumah melalui beberapa aspek penglibatan. Pendekatan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dari Program Sarana Ibu Bapa (KPM 2013) yang melibatkan seramai 347 responden telah digunakan. Kajian rintis dengan  $n=50$ , menunjukkan nilai pekali korelasi Cronbach Alpha adalah  $\alpha = .943$ . Dapatan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa adalah cemerlang dalam aspek penyediaan suasana pembelajaran di rumah ( $M=4.11$ ,  $SP=1.048$ ), aspek interaksi sosial dengan anak-anak di rumah ( $M=27.81$ ,  $SP=8.820$ ) dan aspek komunikasi dengan anak-anak di rumah ( $M=25.08$ ,  $SP=8.016$ ). Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran bahawa walaupun aspek persekitaran pembelajaran, interaksi sosial dan komunikasi berada pada tahap yang sangat baik namun penambahbaikan masih perlu dilakukan dalam aspek sokongan terhadap kecemerlangan anak supaya keseluruhan tahap penglibatan ibu bapa boleh mencapai tahap cemerlang menjelang 2025.

**Kata kunci:** Penglibatan ibu bapa, pembelajaran di rumah, murid prasekolah, interaksi sosial, komunikasi

**Abstract:** The situation of parents or families who are willing to help and engage in children's development and their learning is very important. This study aims to identify the stages of parental involvement in supporting preschool student learning at home through several aspects of involvement. A quantitative study approach with the design of the survey method aimed at using a questionnaire instrument adapted from the Parental Services Program (KPM 2013) involving a total of 347 respondents has been used. A pilot study with  $n=50$  shows that the Cronbach Alpha correlation is  $\alpha = .943$ . The finding show that parental involvement is excellent in the aspect of providing a learning environment at home ( $M=4.11$ ,  $SP=1.048$ ), the aspect of social interaction with children at home ( $M=27.81$ ,  $SP=8.820$ ) and the aspect of communication with children at home ( $M =25.08$ ,  $SP=8.016$  ). In conclusion, this study provides the impression that despite the aspects of the learning environment, social and communication interactions are at an excellent level, but improvements need to be made in support of child excellence so that the overall level of parental involvement can be outstanding by 2025.

**Keywords:** *Parental involvement, learning at home, preschool children, communication, social interaction*

---

## 1. Pendahuluan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai matlamat yang jelas untuk membangunkan sebuah sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia sesuai bagi memenuhi keperluan aspirasi negara untuk melahirkan insan yang seimbang serta sejahtera dalam pelbagai aspek perkembangan. Matlamat ini diterjemahkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan diperluaskan pelaksanaannya melalui dasar-dasar pendidikan sedia ada. Demi merealisasikan hasrat dan matlamat FPK ini, KPM komited memastikan setiap peringkat pendidikan melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) melalui strategi pelaksanaan yang telah direncanakan. Peringkat pendidikan di prasekolah juga tidak terkecuali dalam misi memenuhi matlamat pendidikan ini.

Seiring dengan merealisasikan hasrat ini, pelbagai usaha pendidikan telah dilakukan oleh KPM bagi membangunkan ruang pendidikan bersifat global setanding pendidikan di negara maju yang lain. Antaranya ialah melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) yang terkandung di dalamnya 11 pelan anjakan utama untuk memantapkan pendidikan di Malaysia. Di mana pada anjakan ke sebelas iaitu kerjasama menyeluruh antara ibu bapa, komuniti setempat atau sektor swasta dengan pihak sekolah dalam membangun serta memperkasakan pendidikan telah dinyatakan. Pada anjakan ini, ibu bapa dilihat sebagai satu medium untuk membantu urus dalam pembelajaran dan perkembangan potensi kanak-kanak. Oleh itu, di peringkat pendidikan prasekolah juga tidak terkecuali untuk mengatur perancangan bagi melibatkan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak. Pelbagai program bersesuaian dan bermakna telah di atur oleh setiap prasekolah di bawah seliaan KPM untuk memastikan ibu bapa terlibat dan mengikuti perkembangan pelajaran dan pendidikan anak mereka. Misalnya dengan mengadakan Hari Terbuka Prasekolah, program khidmat bantu di kelas, perkongsian pintar, taklimat dan motivasi keibubapaan, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan masih terdapat sebahagian ibu bapa yang kurang terlibat dan mempunyai pelbagai kekangan untuk terlibat dengan pembelajaran anak sama ada di sekolah ataupun di rumah.

Kepentingan kepada penglibatan yang menyokong pembelajaran kanak-kanak di rumah ini dapat dilihat dengan jelas semasa negara menghadapi musibah Covid-19 baru-baru ini yang telah menjejaskan sedikit perjalanan sistem pendidikan negara dan global amnya menyebabkan pembelajaran secara bersemuka di sekolah tidak dapat dijalankan. KPM dalam Laporan Tahunan PPPM 2021, membentangkan peratus penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran kanak-kanak secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan yang ketara semasa pandemik Covid-19 berlaku iaitu 72.4 peratus dalam akademik berbanding tahun sebelumnya. Memandangkan kita telah berada pada gelombang terakhir PPPM 2013-2015, maka wajarlah penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak ini diperhatikan sekali lagi kerana cara ibu bapa membimbing anak-anak belajar sentiasa berubah dan ia bergantung pada masa dan tempat. Namun pernyataan kajian-kajian dan laporan lepas bagaimanapun sehingga kini yang menunjukkan maklumat tentang penglibatan ibu bapa di rumah pada peringkat prasekolah adalah sedikit serta perlu dibahasakan walaupun kajian tentangnya pernah dijalankan. Kajian terdahulu juga lebih tertumpu membincangkan sokongan ibu bapa terhadap

anak-anak ketika di sekolah berbanding di rumah, sedangkan umum tahu bahawa sokongan terhadap pembelajaran anak di rumah juga penting untuk kelangsungan perkembangan mereka.

### **Tujuan Kajian**

Peranan ibu bapa adalah besar dalam memberikan kerjasama untuk terlibat dengan perkembangan pendidikan dan pembelajaran anak-anak bermula sejak dari kecil. Terdapat banyak kajian yang mengkaji penglibatan ibu bapa di peringkat nasional dan global, namun menurut McDowell et al. (2018), dapatan kajian yang menerangkan penglibatan ibu bapa di peringkat pendidikan prasekolah adalah kecil terutamanya di rumah yang melibatkan respon langsung dari ibu bapa sendiri. Oleh itu, fokus kajian adalah tertumpu kepada tahap penglibatan ibu bapa dalam menyediakan suasana pembelajaran, komunikasi, interaksi sosial serta sokongan terhadap pembelajaran anak semasa di rumah.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang di utarakan dalam kajian ini meliputi perkara berikut :

- i. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dalam penyediaan suasana pembelajaran di rumah.
- ii. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dalam interaksi sosial dengan anak semasa di rumah.
- iii. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dalam komunikasi dengan anak semasa di rumah.

## **2. Ulasan Kajian Lepas**

Penglibatan dan penyertaan ibu bapa dalam mengurus dan memantau perkembangan anak mereka sama ada penglibatan secara *school-based involvement* atau *home-based involvement* adalah penting bagi kelangsungan perkembangan kanak-kanak untuk menyesuaikan diri di peringkat pendidikan prasekolah seterusnya dalam pembelajaran formal di peringkat pendidikan sekolah rendah. Kajian lepas turut menyifatkan penglibatan ibu bapa di sekolah adalah sebahagian daripada bantuan ibu bapa untuk kesediaan sekolah anak. Seiring dengan kemajuan dan tuntutan ekonomi keluarga, kanak-kanak di Malaysia di hantar ke pusat asuhan atau tadika kerana ibu bapa perlu bekerja (Nurhusna, 2017) dan mempunyai kekangan masa untuk di luangkan bersama anak-anak menjadi cabaran utama untuk memantau perkembangan pembelajaran mereka (Hazeline dan Aliza, 2021).


Makanya penglibatan ibu bapa dengan pihak sekolah perlu berlaku secara berterusan (Shanti et al., 2019) supaya berlaku kesinambungan pembelajaran, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh kanak-kanak dalam proses perkembangan diri. Hal ini demikian kerana aktiviti pembelajaran dan kesediaan belajar turut berlaku apabila kanak-kanak bersama keluarga atau komuniti di luar sekolah. Menurut Amir dan Mohd (2022), selain daripada penglibatan tenaga pendidik di sekolah, penglibatan ibu bapa di tahun-tahun awal tumbesaran kanak-kanak juga adalah penting kerana peringkat awal perkembangan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh peranan ibu bapa sebagai antara insan pertama yang kanak-kanak lihat dan kenali setelah dilahirkan sebelum melangkah ke alam persekolahan formal. Puccioni (2018) dalam kajiannya menyatakan, ibu bapa yang meletakkan kepentingan penglibatan dalam kesediaan belajar anak di rumah menunjukkan pencapaian dan perkembangan kanak-kanak yang lebih baik dalam membaca dan matematik.

Kajian lepas yang dijalankan oleh Serpil dan Esra (2017) turut membincangkan tentang kemahiran kesediaan belajar sebagai keperluan pembelajaran yang perlu ada pada kanak-kanak prasekolah seperti kemahiran matematik, kemahiran membaca, kemahiran sosial, kemahiran motor halus, kemahiran mengurus diri, kemahiran sosio emosi. Kesemua aspek kemahiran ini perlu, untuk membangunkan diri kanak-kanak yang menyeluruh dan harmonis. Namun

beberapa dapatan kajian lepas menyatakan faktor-faktor seperti gaya asuhan ibu bapa, sosio ekonomi atau pekerjaan, taraf pendidikan tertinggi ibu (Evelyn dan Ruslin, 2020), kepercayaan tentang konteks kehidupan, persepsi ibu bapa terhadap sekolah (Macliffon dan Faridah, 2020) menjadi isu yang sering dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang membuktikan ianya tidak menghalang hasrat ibu bapa mempersiapkan suasana pembelajaran terbaik mengikut kemampuan supaya anak-anak dapat meneruskan pembelajaran (Mohammad Fadzia et al., 2021).

### Teori

Untuk memastikan semua perkembangan kanak-kanak tercapai, penglibatan semua pihak dari pelbagai peringkat adalah penting terutama ibu bapa. Bagi memenuhi matlamat, penglibatan keluarga serta kerjasama dari mereka adalah sangat diperlukan. Kajian lepas turut membincangkan bahawa tempoh kritikal perkembangan tumbesaran ialah pada umur kosong hingga enam tahun pertama. Anak dalam waktu ini, lebih mudah menyerap apa yang mereka pelajari, perhati dan lalui menyebabkan tempoh masa ini di panggil *Golden Time* dalam proses perkembangan dan pertumbuhan seseorang individu. Menurut Teori Ekologi Bronfenbrenner yang dibahaskan dalam Evelyn dan Ruslin (2020), memberi penekanan bahawa individu menjalani proses pertumbuhan dan perkembangan melalui persekitaran yang terkait antara satu sama lain. Persekitaran pertama yang kanak-kanak tempuhi ialah ibu bapa dan pembelajaran bermula sejak bayi di rumah. Ruang lingkup sistem sosial menurut Teori Ekologi ini lebih besar cakupannya namun tetap berbalik kepada peringkat yang utama dan paling hampir dengan diri kanak-kanak sendiri iaitu ibu bapa.



Rajah 1: Teori Ekologi Bronfenbrenner

Sokongan dan bimbingan berterusan daripada ibu bapa semasa di rumah membolehkan kanak-kanak berkembang menjadi individu yang sejahtera dan cemerlang. Selain itu, ia memberi pengaruh dan motivasi dalaman kepada murid untuk terus sentiasa meneroka dan menghargai setiap apa yang mereka pelajari agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka. Laporan UNICEF (2012) menyatakan keadaan keluarga kanak-kanak yang bersedia menyokong untuk perkembangan kanak-kanak dan pembelajaran mereka adalah sangat penting. Ini kerana ibu bapa di anggap sebagai insan yang paling akrab dan memahami keperluan anak-anak mereka.

## Sorotan Literatur

Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran ditakrifkan sebagai aspirasi ibu bapa terhadap anak dalam pencapaian akademik, komunikasi bersama tentang pendidikan, hal-hal sekolah, penyertaan ibu bapa dalam aktiviti sekolah, komunikasi ibu bapa dengan guru tentang anak mereka serta pengawasan ibu bapa di rumah (Fan et al., 2011). Wan Nor Adibah (2021), menjelaskan peranan institusi kekeluargaan dalam pembentukan sebuah masyarakat adalah penting kerana ianya bertanggungjawab membina masyarakat dan negara yang kuat, makmur dan sejahtera. Menurut Marti et al. (2018), apabila ibu bapa bermain dan berinteraksi dengan anak-anak mereka, memberi aktiviti pembelajaran, dan menyediakan bahan-bahan yang menggalakkan pembangunan diri anak-anak, mereka dikatakan terlibat dalam penglibatan ibu bapa di rumah. KPM (2012), menyebut laporan dalam *Programme for International Student Assessment*; PISA (2009) yang dibentangkan oleh *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) merumuskan bagaimana masa di antara ibu bapa dan anak di manfaatkan dalam interaksi dan hubungan komunikasi di rumah mempengaruhi kejayaan dan kecemerlangan perkembangan anak tersebut. Sesetengah aktiviti yang dilakukan di rumah adalah bermakna serta meninggalkan kesan yang mendalam kepada anak (Paedah, 2011). Kanak-kanak akan lebih menghargai dan merasa seronok apabila ibu bapa mereka terlibat dengan pembelajaran dan perkembangan mereka.

Pembelajaran murid di definisikan sebagai apa jua bentuk interaksi atau perhubungan yang menambah pengetahuan, mengembangkan potensi, memberi pengalaman bermakna dan meningkatkan kesediaan belajar serta kemahiran kanak-kanak. Menurut Xia et al. (2019), konsep pembelajaran tidak hanya melibatkan kemahiran kognitif sahaja tetapi melibatkan semua domain kemahiran perkembangan termasuk perkembangan fizikal, perkembangan sosioemosi, kesediaan untuk belajar serta perkembangan bahasa. Barnett et al. (2020) mendefinisikan kesediaan belajar kanak-kanak sebagai kemahiran akademik seperti kemahiran berbahasa, awal literasi, dan awal matematik. Manakala Miller dan Krajick (2019) menyebut kesediaan belajar sebagai situasi dalaman individu menyiapkan diri dan berkeinginan untuk mempelajari sesuatu perkara dengan tujuan mendapat serta membina pengalaman pembelajaran yang baru. Menurut Rimm-Kaufman (2004); Riff-Kaufman dan Sandilos (2017) kesediaan kanak-kanak yang merangkumi pengawalan emosi, perhatian, ketekunan dan sikap menyokong keupayaan membantu pencapaian pembelajaran kanak-kanak di dalam bilik darjah. Tunceli dan Akman (2013) juga menyatakan bahawa kesediaan belajar ialah penerapan asas pendidikan dan kemahiran yang perlu di kuasai kanak-kanak untuk kelancaran proses pembelajaran mereka di sekolah. Laporan *The National Education Goals Panel* (NEGP; 1997) yang disebut dalam Puccioni (2018) menyatakan lima aspek kesediaan belajar telah dikenalpasti iaitu kognitif dan pengetahuan asas, perkembangan bahasa, pendekatan ke arah pembelajaran, perkembangan sosial dan emosi, serta perkembangan fizikal dan kemahiran motor kanak-kanak.

Persekitaran suasana pembelajaran yang kondusif membantu kepada proses pembelajaran dan perkembangan yang seimbang. Menurut Athirah et al. (2021) dalam kajiannya menyatakan kanak-kanak adalah individu penting dalam kehidupan ibu bapa, makanya menyediakan persekitaran yang baik untuk perkembangan mereka adakah satu keperluan. Suasana pembelajaran yang dibincangkan ini tidak terhad hanya kepada keperluan berbentuk fizikal sahaja, malah ianya turut melibatkan suasana yang berbentuk emosi, kehendak dan pemikiran. Irma et al. (2018) dalam kajiannya juga menyatakan tempat belajar yang selesa dan sesuai adalah penting untuk anak-anak agar proses pembelajaran di rumah lebih cekap dan kondusif. Suasana yang tenang, kemas dan bersih memberi kedamaian kepada jiwa dan membuatkan kebanyakan kanak-kanak melalui sebuah pembelajaran yang bermakna. Menurut Zaharah

Osman (2015), jika kanak-kanak mempunyai perkembangan sosio-emosi yang rendah, ia akan menjejaskan prestasi akademik mereka. Tambahan pula Puccioni et al. (2022) dalam kajian terbarunya menyatakan kejayaan akademik dan kemahiran interaksi sosial kanak-kanak sangat dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran di rumah. Interaksi sosial yang bermakna akan menjadi sebahagian dari ingatan dan penambahan ilmu pengetahuan berlaku dengan cepat dan berkesan dalam membangun jati diri kanak-kanak.

Kemahiran komunikasi seperti perbincangan, perbualan, penyoalan dan berkongsi pengalaman merupakan satu proses kemahiran yang penting. Menurut Safinah Ismail (2022) dalam kajiannya, pola komunikasi antara ibu bapa dan anak menjadi penentu kepada kecemerlangan anak dalam pembelajaran. Di mana pola ini dilihat sebagai gaya asuhan atau gaya keibubapaan yang dipamerkan oleh ibu bapa terhadap anak. Terdapat beberapa jenis gaya keibubapaan yang diketahui umum antaranya ialah autoritarian, autoritatif, pesimif dan pengabaian. Sorotan kajian lepas dalam Lo dan Ruhizan (2022) pula menyatakan komunikasi ibu bapa dan anak-anak amat penting kerana interaksi yang baik antara kedua-dua pihak mewujudkan hubungan yang rapat. Emine et al. (2020) menyatakan sokongan ibu bapa adalah penting untuk kanak-kanak mengembangkan kemahiran sosial dan akademik sejak awal. Fiskerstrand (2022) turut menyatakan dengan adanya pemantauan ibu bapa ke atas pembelajaran anak di rumah dapat memberi sokongan yang mendalam terhadap pembelajaran, pencapaian, motivasi, nilai dan matlamat pendidikan yang akan dicapai oleh anak-anak.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian yang dijalankan menggunakan penyelidikan kuantitatif dengan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik sepenuhnya bagi pengumpulan data. Populasi yang dipilih dalam kajian ini ialah ibu bapa yang mempunyai anak berumur 5 tahun dan 6 tahun yang bersekolah di prasekolah bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur. Sejumlah 3000 orang individu yang terdapat dalam populasi kajian ini. Teknik persampelan rawak digunakan dalam kajian ini kerana ianya merupakan teknik yang terbaik untuk mewakili ciri dalam populasi. Merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) menjadikan seramai 347 responden telah terlibat dalam kajian ini.

Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik yang telah di adaptasi dan di ubahsuai dari soal selidik Program Sarana Ibu Bapa dengan Anak yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013). Rasional pemilihan soal selidik ini adalah kerana ianya dikeluarkan oleh KPM melalui PPPM 2013-2025 untuk mengukur penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak di rumah. Memandangkan kegunaannya adalah sebagai penilaian sendiri oleh ibu bapa bagi menganalisis kekuatan dan kelemahan penglibatan mereka di rumah, makanya soal selidik ini adalah sesuai digunakan kerana salah satu tujuan kajian adalah melihat penglibatan ibu bapa ini di rumah dari sudut penilaian ibu bapa itu sendiri. Soal selidik yang dikemukakan telah dipecahkan kepada 5 perkara utama dengan jumlah item soalan sebanyak 27 soalan bagi membantu menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah dikemukakan.

Bagi kajian ini kesahan kandungan telah dilaksanakan untuk mengukur ketepatan, keberkesanan serta kesesuaian item soal selidik dalam instrumen yang disediakan. Pengkaji telah merujuk sekumpulan panel pakar bagi mengukur kesahan kandungan instrumen penglibatan ibu bapa yang digunakan. Mengambil kira pengalaman pakar yang melebihi 10 tahun dalam profesion pendidikan khususnya pendidikan awal kanak-kanak dan kepakaran masing-masing dalam bidang pendidikan ini, tiga orang panel pakar telah dilantik untuk

menyemak kesesuaian bahasa, ejaan serta frasa ayat dalam instrumen soal selidik. Hasil kesahan kandungan merumuskan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai ini diterima kebenaran dan kesesuaiannya untuk mengukur apa yang ingin diuji. Di mana, item-item yang terdapat dalam setiap konstruk aspek penglibatan masih relevan untuk diuji bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Seterusnya, kebolehpercayaan instrumen dilaksanakan untuk mengukur ketekalan dan kestabilan ke atas skor-skor item bagi setiap konstruk aspek penglibatan ibu bapa yang terdapat dalam instrumen soal selidik. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas sampel-sampel terpilih untuk mendapatkan analisis nilai kebolehpercayaan bagi setiap item dalam konstruk aspek penglibatan yang terlibat. Hasil daripada keputusan kajian rintis, dengan  $n=50$  menunjukkan nilai pekali korelasi Cronbach Alpha bagi keseluruhan aspek penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak di rumah adalah  $\alpha = .943$  iaitu sangat baik dan efektif.

Pengumpulan data dalam kajian ini di mulai setelah mendapat kebenaran dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang serta pentadbir sekolah yang terlibat untuk mengedarkan borang soal selidik kepada ibu bapa murid prasekolah. Selanjutnya, borang soal selidik yang telah diterima kesahan dan kebolehpercayaan instrumennya itu disebar luaskan kepada ibu bapa murid prasekolah melalui bantuan guru-guru prasekolah bagi sekolah-sekolah yang terlibat. Sebaran soal selidik ini berlaku dalam dua cara iaitu pertamanya ialah atas talian menggunakan aplikasi *Google Form* dan kedua melalui edaran borang soal selidik dalam bentuk *hardcopy*.

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) digunakan untuk menilai data-data dalam kajian ini bersesuaian dengan reka bentuk kuantitatif kajian tinjauan yang dilaksanakan. Di mulai dengan melihat jumlah skor pada setiap bahagian yang diproses untuk menentukan tahap penglibatan ibu bapa di setiap aspek sama ada “Asas”, “Sedang Maju” atau “Cemerlang”. Di mana untuk aspek penglibatan ibu bapa dalam penyediaan suasana penilaian skor bagi tahap “Asas” ialah di antara 0-1, “Sedang Maju” ialah di antara 2-3 dan “Cemerlang” ialah di antara 4-5. Manakala untuk aspek interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak dan sokongan terhadap pembelajaran anak pula menggunakan penilaian skor bagi tahap “Asas” ialah di antara 0-7, “Sedang Maju” ialah di antara 8-21 dan “Cemerlang” ialah di antara 22-35.

**Jadual 1: Indikator Skor Aspek Penglibatan Ibu Bapa**

Aspek Penglibatan	Skor	Tahap
Penyediaan suasana pembelajaran di rumah	0-1	Asas
	2-3	Sedang Maju
	4-5	Cemerlang
Interaksi sosial dengan anak	0-7	Asas
	8-21	Sedang Maju
	22-35	Cemerlang
Komunikasi dengan anak	0-7	Asas
	8-21	Sedang Maju
	22-35	Cemerlang
Sokongan terhadap pembelajaran anak	0-7	Asas
	8-21	Sedang Maju
	22-35	Cemerlang

#### 4. Dapatan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada ibu bapa bagi kanak-kanak prasekolah di Daerah Kuantan, Pahang dan seramai 347 orang telah terlibat di dalam menjayakan kajian ini. Taburan demografi responden dipaparkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Taburan Demografi Responden**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Kedudukan rumah</b>		
Bandar	207	59.7
Luar Bandar	140	40.3
<b>Kelulusan tertinggi ibu bapa / penjaga</b>		
Tiada kelulusan (Tidak bersekolah)	2	.6
Pendidikan Sekolah Rendah	7	2.0
PMR / Tingkatan 3	8	2.3
SPM / Tingkatan 5	115	33.1
STPM / Tingkatan 6 / Sijil	38	11.0
Diploma	81	23.3
Ijazah dan ke atas	96	27.7
<b>Pendapatan kasar keluarga</b>		
Kurang RM500	4	1.2
RM501 - RM1000	38	11.0
RM1001 - RM3000	162	46.7
RM3001 - RM5000	90	25.9
RM5001 dan ke atas	53	15.3
<b>Bilangan anak dalam tanggungan</b>		
1 - 2 orang	104	30.0
3 - 4 orang	181	52.2
5 - 6 orang	49	14.1
Lebih 6 orang	13	3.7
<b>Individu yang bekerja</b>		
Bapa sahaja	186	53.6
Ibu sahaja	10	2.9
Bapa dan ibu	151	43.5
<b>Umur anak</b>		
6 tahun	264	76.1
5 tahun	83	23.9
<b>Soal selidik ini dilengkapkan oleh</b>		
Ibu	297	85.6
Bapa	50	14.4

Daripada keseluruhan 347 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 207 orang (59.7%) adalah dari bandar, manakala bakinya seramai 140 orang (40.3%) lagi dari luar bandar. Seterusnya, hasil kajian mengikut kelulusan tertinggi ibu bapa / penjaga menunjukkan seramai 2 orang (0.6%) tiada kelulusan (tidak bersekolah), seramai 7 orang (2.0%) berkelulusan Pendidikan Sekolah Rendah, seramai 8 orang (2.3%) berkelulusan PMR / Tingkatan 3, seramai 115 orang (33.1%) berkelulusan SPM / Tingkatan 5, seramai 38 orang (11.0%) berkelulusan



STPM / Tingkatan 6 / Sijil, seramai 81 orang (23.3%) berkelulusan Diploma, dan seramai 96 orang (27.7%) berkelulusan Ijazah dan ke atas.

Merujuk kepada Jadual 2, dapat dilihat bahawa majoriti pendapatan kasar keluarga adalah berpendapatan RM1001 - RM3000 dengan seramai 162 orang (46.7%). Diikuti dengan seramai 90 orang (25.9%) berpendapatan RM3001 - RM5000, seramai 53 orang (15.3%) berpendapatan RM5001 dan ke atas, seramai 38 orang (11.0%) berpendapatan RM501 - RM1000, dan seramai 4 orang (1.2%) berpendapatan Kurang RM500. Berkaitan profil responden mengikut bilangan anak dalam tanggungan pula menunjukkan seramai 104 orang (30.0%) mempunyai 1 – 2 orang anak, seramai 181 orang (52.2%) mempunyai 3 - 4 orang anak, seramai 49 orang (14.1%) mempunyai 5 - 6 orang anak, dan seramai 13 orang (3.7%) mempunyai lebih 6 orang anak.

Bagi taburan responden mengikut individu yang bekerja menunjukkan seramai 186 orang (53.6%) adalah bapa sahaja yang bekerja, seramai 10 orang (2.9%) adalah ibu sahaja yang bekerja dan seramai 151 orang (43.5%) lagi adalah bapa dan ibu yang bekerja. Hasil dapatan mengikut umur anak menunjukkan seramai 264 orang (76.1%) adalah umur 6 tahun, manakala bakinya seramai 83 orang (23.9%) lagi adalah umur 5 tahun. Terakhir, bagi profil responden mengikut soal selidik dilengkapkan oleh menunjukkan seramai 297 orang (85.6%) daripada ibu, manakala bakinya seramai 50 orang (14.4%) lagi daripada bapa.

Jadual 3 menunjukkan dapatan tahap penglibatan ibu bapa dalam penyediaan suasana pembelajaran di rumah. Dapatan menunjukkan seramai 11 orang (3.2%) berada pada tahap asas, seramai 71 orang (20.5%) pada tahap sedang maju dan seramai 265 orang (76.4%) lagi pada tahap cemerlang. Data secara keseluruhan menunjukkan bahawa skor tahap penglibatan ibu bapa dalam penyediaan suasana pembelajaran di rumah (min = 4.11, SP = 1.048) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap cemerlang.

**Jadual 3: Tahap Penglibatan Ibu bapa Dalam Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah**

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	SP
0 – 1	Asas	11	3.2	4.11	1.048
2 – 3	Sedang maju	71	20.5		
4 – 5	Cemerlang	265	76.4		
Jumlah		347	100.0		

Jadual 4 menunjukkan dapatan tahap penglibatan ibu bapa dalam interaksi sosial dengan anak. Dapatan menunjukkan seramai 18 orang (5.2%) berada pada tahap asas, seramai 57 orang (16.4%) pada tahap sedang maju dan seramai 272 orang (78.4%) lagi pada tahap cemerlang. Data secara keseluruhan memaparkan bahawa skor tahap penglibatan ibu bapa dalam interaksi sosial dengan anak (min = 27.81, SP = 8.820) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap cemerlang.

**Jadual 4: Tahap Penglibatan Ibu bapa Dalam Interaksi Sosial Dengan Anak**

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	SP
0 – 7	Asas	18	5.2	27.81	8.820
8 – 21	Sedang maju	57	16.4		
22 – 35	Cemerlang	272	78.4		
Jumlah		347	100.0		

Jadual 5 pula menunjukkan dapatan tahap penglibatan ibu bapa dalam komunikasi dengan anak. Dapatan kajian mendapati seramai 9 orang (2.6%) berada pada tahap asas, seramai 79 orang (22.8%) pada tahap sedang maju dan seramai 259 orang (74.6%) lagi pada tahap cemerlang. Data secara keseluruhan menunjukkan bahawa skor tahap penglibatan ibu bapa dalam komunikasi dengan anak (min = 25.08, SP = 8.016) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap cemerlang.

**Jadual 5: Tahap Penglibatan Ibu bapa Dalam Komunikasi Dengan Anak**

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	SP
0 – 7	Asas	9	2.6	25.08	8.016
8 – 21	Sedang maju	79	22.8		
22 – 35	Cemerlang	259	74.6		
Jumlah		347	100.0		

Jadual 6 menunjukkan dapatan tahap penglibatan ibu bapa dalam sokongan terhadap pembelajaran anak. Dapatan kajian menunjukkan seramai 19 orang (5.5%) berada pada tahap asas, seramai 149 orang (42.9%) pada tahap sedang maju dan seramai 179 orang (51.6%) lagi pada tahap cemerlang. Data secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap penglibatan ibu bapa dalam sokongan terhadap pembelajaran anak (min = 21.44, SP = 7.976) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap sedang maju.

**Jadual 6: Tahap Penglibatan Ibu bapa Dalam Sokongan Terhadap Pembelajaran Anak**

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	SP
0 – 7	Asas	19	5.5	21.44	7.976
8 – 21	Sedang maju	149	42.9		
22 – 35	Cemerlang	179	51.6		
Jumlah		347	100.0		

## 5. Perbincangan

Hasil dapatan kajian yang dibuat menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dalam penyediaan suasana pembelajaran di rumah (min=4.11, SP=1.048) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap yang cemerlang. Di mana ibu bapa telah membantu mewujudkan segala keperluan bagi suasana pembelajaran anak di rumah yang baik dan kondusif. Nor Fatimah et al. (2020) turut menyatakan, penyediaan ruang pembelajaran oleh kebanyakan ibu bapa untuk anak belajar dan bermain adalah tinggi dan positif serta mendapati kanak-kanak lebih senang dan tidak bosan jika ibu bapa membantu mereka membuat jadual khas di rumah yang merangkumi bermain, belajar dan melakukan aktiviti lain. Ianya turut disokong oleh kajian dari Dini, J. P. A. U. (2021) yang menyatakan murid yang disediakan dengan suasana pembelajaran yang baik di rumah lebih berpeluang dan mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk belajar.

Bagi aspek penglibatan ibu bapa dalam interaksi sosial dengan anak di rumah pula, hasil dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dalam interaksi sosial dengan anak (min=27.81, SP=8.820) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap yang cemerlang. Di mana ibu bapa digambarkan telah melaksanakan hampir semua aktiviti sosial bersama anak semasa di rumah seperti makan bersama anak ataupun melakukan aktiviti harian di rumah bersama anak. Dalam kajian yang dijalankan oleh Irma Yanti et al. (2018) menunjukkan interaksi sosial anak dengan ibu bapa di rumah juga berada pada tahap yang tinggi, di mana interaksi sosial antara ibu bapa dan anak-anak yang terbina dengan baik dapat membantu

mencipta hubungan kekeluargaan yang erat dan harmoni. Menurut Rahman, N. A. A., & Alavi, K. (2023) juga, ibu bapa yang terlihat sering berinteraksi dengan anak melalui perbualan memiliki anak yang yakin diri dan berdikari. Penglibatan ibu bapa dengan memberi asuhan agama/moral menjadi sebahagian daripada interaksi sosial yang bermakna bersama anak. Dengan ini kemahiran keterampilan diri dan kemahiran sosioemosi yang perlu di miliki oleh anak pada awal usia dapat dipupuk dengan baik.

Seterusnya hasil dapatan kajian bagi tahap penglibatan ibu bapa dalam komunikasi dengan anak (min=25.08, SP=8.016) di Daerah Kuantan, Pahang adalah berada pada tahap yang cemerlang. Di mana pada pandangan ibu bapa komunikasi mereka bersama anak di rumah adalah baik melalui aktiviti perbincangan serta perkongsian perasaan dan pendapat. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Ngu Leh Seng (2021) di mana ia menyatakan ibu bapa yang berkomunikasi dengan baik antara satu sama lain dan melibatkan diri mereka dalam kerja rumah anak-anak mereka lebih berkemungkinan mempunyai anak yang berjaya di sekolah. Menurut Safinah Ismail (2022) dalam kajiannya pula, pola komunikasi antara ibu bapa dan anak menjadi penentu kepada kecemerlangan anak dalam pembelajaran. Ia menunjukkan bahawa pentingnya ibu bapa terlibat dalam komunikasi dengan anak di rumah. Pola komunikasi ini boleh dilihat dari gaya keibubapaan yang dipamerkan dalam mendidik anak.

Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi, kajian ini memberi gambaran bahawa tahap penglibatan ibu bapa dalam tahap aspek penglibatan penyediaan suasana pembelajaran di rumah, interaksi sosial dengan anak di rumah dan komunikasi dengan anak adalah ditahap sangat memuaskan. Ini menunjukkan ibu bapa akan perkembangan pembelajaran anak mereka dan sentiasa berbincang dengan guru serta mengambil tahu pembelajaran anak mereka.

Antara cadangan penyelidikan yang boleh dilakukan pada masa hadapan ialah mengenalpasti tahap penglibatan ibu bapa di tadika swasta. Selain itu, meneroka kajian dengan menggunakan faktor-faktor ke atas penglibatan lain seperti kedudukan rumah, taraf pendidikan ibu bapa, individu yang keluar bekerja atau gaya asuhan keibubapaan juga boleh dipertimbangkan. Meluaskan populasi kajian merentas kaum dan bangsa agar dapatan kajian boleh mengukur hubungan bangsa terhadap penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak di rumah juga boleh dijadikan kajian pada masa hadapan. Umum kita tahu, setiap kaum dan bangsa mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap pendidikan anak-anak. Dengan melihat bahagian demografi ini, dapatan kajian yang diperolehi boleh membantu kepada penambahan serta pengukuhan pengetahuan tentang penglibatan ibu bapa di rumah dalam menyokong pembelajaran anak.

## **6. Kesimpulan**

Menurut Audrey dan Yael (2021) ibu bapa dan guru mempunyai hubungan berdasarkan sejauh mana kecekapan guru dalam tugas mereka, serta sejauh mana pengaruh guru terhadap keputusan yang berkaitan dengan pendidikan. Ini boleh bergantung pada sejauh mana ibu bapa mempercayai pertimbangan dan budi bicara guru. Keadaan ini membolehkan fokus terhadap perkembangan anak dapat di utamakan untuk sama-sama memastikan hasrat pendidikan di Malaysia untuk mengembangkan potensi diri individu secara holistik dalam suasana yang menyeronokkan dan bermanfaat dapat tercapai. Kerjasama antara ibu bapa dan guru dalam membimbing kanak-kanak belajar dengan lebih berkesan dan berkembang sebagai warganegara yang bertanggungjawab selari dengan aspirasi pendidikan negara. Peringkat pendidikan prasekolah meletakkan penglibatan ibu bapa di rumah sebagai agenda penting dalam pendidikan anak-anak untuk membantu memberikan bimbingan dan sokongan sewaktu

proses pembelajaran berlaku. Ini kerana kanak-kanak diperingkat umur ini belajar dan berkembang melalui pemerhatian serta interaksi sosial dan komunikasi positif yang berada dalam persekitaran mereka. Oleh itu, ibu bapa dan keluarga adalah individu yang paling hampir untuk membantu menjadikan kanak-kanak lebih selesa dan yakin dalam pembelajaran mereka, yang boleh memberi kesan positif kepada perkembangan keseluruhan mereka. Walaupun terdapat faktor-faktor yang menghalang penglibatan, dengan sedikit usaha serta bantuan yang diterima oleh ibu bapa, tidak mustahil penglibatan ibu bapa di rumah boleh berada pada tahap cemerlang pada kesemua aspek penglibatan di masa akan datang.

## Rujukan

- Amir Nordin Dollah & Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Penglibatan ibu bapa dalam PdPR di rumah murid berkeperluan khas pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 305-317.
- Athirah Zainal Abidin, Nor Mashitah Mohd Radzi, Hamsa Hameed Ahmad & Putri Afzan Maria Zulkifli. (2021). Kesahan instrumen pentaksiran sosioemosi kanak-kanak (IPSK) menggunakan Model Miller. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. 10(2): 118-131.
- Audrey Addi-Racchah & Yael Grinshtain. 2021. Teachers' professionalism and relations with parents: teachers' and parents' views. *Research Papers in Education*. DOI: <https://10.1080/02671522.2021.1931949>
- Barnett, M.A., Paschall, K. W., Mastergeorge, A. M., Cutshaw C. A. & Warren, S. M. (2020). Influences of parent engagement in early childhood education centers and the home on kindergarten school readiness. *Early Childhood Research Quarterly* 53. 260-273.
- Dini, J. P. A. U. (2021). The Role of Student's Parent in Shaping Home Learning Environment (HLE) for Early Childhood. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(2), 1512-1535.
- Emine Ahmetoglu, Ibrahim H. Acar & Manolya Asik Ozturk. (2022). Parent involvement and children's peer interactions. *Current Psychology*. 41: 4447-4456.
- Evelyn Banu & Ruslin Amir. (2020). Gaya asuhan paling dominan di kalangan murid Bidayuh Padawan berpencapaian akademik rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1): 137-147.
- Fan Xitao. (2001). Parental involvement and students' academic achievement: A growth modeling analysis. *The Journal of Experimental Education*. 70(1): 27-61. DOI: <https://10.1080/00220970109599497>
- Fiskerstrand, A. (2022). Literature review – parent involvement and mathematic outcome. *Educational Research Review*. 37. DOI: <https://doi.org/10/1016/j.edurev.2022.100458>
- Hazeline Hazel Benedict Gunir & Aliza Alias. (2021). Satu kajian kes di sebuah Sekolah Rendah Pendidikan Khas di Daerah Keningau mengenai persepsi guru bagi penglibatan ibu bapa Etnik Dusun dalam pembelajaran murid khas. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 602-617.
- Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan & Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2018). Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak di rumah dan hubungannya dengan pencapaian akademik murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 5(1):42-62.
- Jalal Deen Careemden & Mohd Mahzan Awang. (2022). The effects of demographic factors on parental educational support for their children's learning. *Journal of Social Science and Humanities*. 9(4): 229-242.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya. <http://www.mohe.gov.my>.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya. <http://www.mohe.gov.my>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Sarana Ibu Bapa; Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Suatu Inisiatif Utama Makmal GTP 2.0*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelan Pembanguna Pendidikan Malaysia 2013-2025; Laporan Tahunan 2020*. Putrajaya: Unit Pelaksanaan Dan Prestasi Pendidikan (PADU).
- Lo Mageret & Ruhizan M. Yasin. (2022). Penglibatan ibu bapa dalam komuniti serta hubungannya dengan motivasi murid SJKC sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*. 7(4). DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1426>
- Macliffton Tembak Sinau & Faridah Yunus. (2020). Penglibatan ibu bapa / keluarga dalam pembelajaran sains awal – bagaimanakah meningkatkan sumbangan mereka?. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(2), 86-96.
- Marti, M., Merz E. C., Repka, K.R., Landers, C., Noble, K.G. & Duch, H. (2018). Parent involvement in getting ready for school intervention is associated with changes in school readiness skills. *Frontiers in Psychology*. 9(759): 1-15. DOI: <https://doi:10.3389/fpsyg.2018.00759>
- McDowell, K., Jack, A. & Compton, M. (2018). Parent involvement in Pre-Kindergarten and the effect on student achievement. *The Advocate*. 3(6). 1-24.
- Miller, E. C. & Krajcik, J.S. (2019). Promoting deep learning through project-based learning: a design problem. *Disciplinary and Interdisciplinary Science Education Research*. 1(7). DOI: <https://10.1186/s43031-019-0009-6>
- Mohammad Fadzia Termize, Ruhizan Mohd & Ahmad Zamri. (2021). Tahap sokongan ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid B40 di sekolah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1). 707-717.
- Ngu Leh Seng. (2017). Pengaruh gaya keibubapaan, penglibatan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik di Limbang, Sarawak. Ringkasan tesis Dr. Fal. Universiti Utara Malaysia.
- Nor Fatinah Jaafar, Azizah Zain & Zarina Eshak. (2020). Peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan sosial kanak-kanak melalui aktiviti bermain semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. 9(SI): 52-60.
- Nurhusana Binti Abdul Malik. (2017). Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan holistik kanak-kanak di taska permata kemas. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paedah Abd Halim. (2011). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Puccioni, J. (2018). Parental beliefs about school readiness, home and school-based involvement, and children academic achievement. *Journal of Research in Childhood Education*. 1-20. DOI: <https://doi.org/10.1080/02568543.2018.1494065>
- Puccioni, J., Froiland, J. M., Moeyaert, M., Desir, S. & Galimore Z. (2022). Associations among African American' beliefs, involvement and measures of school readiness. *Journal of Child and Family Studies*. 31: 1246-1260
- Rahman, N. A. A., & Alavi, K. (2023). Pattern of Interpersonal Communication Between Parents and Adolescence among The B40 Family: Pola Komunikasi Interpersonal antara Ibu Bapa dan Remaja Dalam Kalangan Keluarga B40. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(1), 1-11.
- Rimm-Kaufman, S. (2004). School transition and school readiness: an outcome of early childhood development. *Encyclopedia on Early Childhood Development*. 1-7.
- Rimm-Kaufman, S. R. & Sandilos, L. (2017). School transition and school readiness: an outcome of early childhood development. University of Virginis, USA. 19-25.

- Safinah Binti Ismail. (2022). Pola komunikasi ibu bapa dalam keluarga muslim. Ringkasan tesis Dr. Fal. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Serpil Pekdogan & Esra Akgul. (2017). Preschool children school readiness. *International Education Studies*. 10(1). DOI: <https://10.5539/ies.v10n1p114>
- Shanti Ramalingam, Mahendran Maniam, Gunasegaran Karuppanan. (2019). Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar Sekolah Tamil di Selangor. *Muallin Journal of Social Science and Humanities*. 3(3), 308-323.
- Suresh Kumar N Vellymalay. (2013). Relationship between malay parents' socioeconomic status and their involvement in their children's education at home. 8(1): 098-108.
- Tunceli, H. I. & Akman, B. (2013). The investigation of school readiness level of six years old preschool children in terms of different variables. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 106: 2899-2905.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2012). School readiness: a conceptual framework. Retrieved on [http://www.unicef.org/education/files/Child2Child\\_ConceptualFramework\\_FINAL\(1\).pdf](http://www.unicef.org/education/files/Child2Child_ConceptualFramework_FINAL(1).pdf)
- Wan Nor Adibah Binti Wan Ahmad. (2021). Peranan ibu bapa dalam mendidik anak bagi memelihara institusi kekeluargaan pada perspektif Maqasid Al-Shari'ah. Disertasi Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Xia Xiaoying, Hackett, R. K. & Webster, L. (2019). Chinese parental involvement and children's school readiness: the moderating role of parenting style. *Early Education and Development*. DOI: <https://10.1080/10409289.2019.1643439>
- Zaharah Osman. (2015). Kesan implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. *Journal of Science*. (1): 75-82.